

0063

B B589 DEB

MAHATHIR - LAWATAN

1985

PARIT BUNTAR, 13 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS PARA PENIAGA YANG BEREBUT-REBUT UNTUK MENGIKUTI SETIAP KALI BELIAU MENGADAKAN LAWATAN PERNIAGAAN KE LUAR NEGERI.

BELIAU BAGAIMANAPUN DUKACITA KERANA KEBANYAKAN YANG HENDAK IKUT ITU SEKADAR HENDAK MELANCONG ATAU BERPUTRI SAHAJA.

RAMAI DI ANTARA MEREKA TIDAK MEMBUAT APA-APA TINDAKAN SUSULAN APABILA PULANG DARIPADA LAWATAN-LAWATAN ITU, TAMBAHNYA SAMBIL BERKATA INI BERTENTANGAN DENGAN MATLAMAT LAWATAN UNTUK MENCARI PELUANG PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN LOJI TANAH PELUNTUR DAN ASID SULFURIK KILANG WEMBLEY ACTIVATED CLAY DI SINI.

KATANYA, SETAKAT INI KIRA-KIRA 400 ORANG TELAH MEMOHON UNTUK MENYERTAINYA DALAM LAWATAN KE CHINA NOVEMBER INI.

SECARA BERSELOROH BELIAU BERKATA KERAJAAN TERPAKSA MENYEWAKAN KAPAL TERBANG B747 UNTUK MEMBAWA SEMUA ORANG YANG HENDAK PERGI ITU YANG KEBANYAKANNYA BERMINAT MAKAN ANGIN SAHAJA.

KATANYA, KERAJAAN TERPAKSA MEMILIH MEREKA YANG BENAR-BENAR BERMINAT DALAM PERNIAGAAN SAHAJA UNTUK TURUT SERTA DALAM LAWATAN ITU KELAK. -- LAGI.

1538MST 13 07 85

0000

B B590 DEB

MAHATHIR - LAWATAN 2 PARIT BUNTAR

MENGENAI PEMBUKAAN KILANG INI DI SINI, PERDANA MENTERI MAHU PENDUDUK TEMPATAN DAN MAJIKAN KILANG SENTIASA MENJALIN HUBUNGAN HARMONI BAGI KEPENTINGAN SEMUA PIHAK.

SETIAP MASALAH YANG TIMBUL HENDAKLAH DISELESAIKAN DENGAN BAIK, TAMBAHNYA.

BELIAU MEINTA PENDUDUK TEMPATAN JANGAN MELAYANI HASUTAN-HASUTAN PUAK LUAR UNTUK MENIMBULKAN SESUATU ISU BAGI MERENGANGKAN HUBUNGAN DENGAN MAJIKAN, PEKERJA DAN MASYARAKAT TEMPATAN.

MEREKA ITU, TAMBAHNYA, MEMPUNYAI TUJUAN LAIN DENGAN MENIMBULKAN ISU-ISU ITU.

KEPADA PARA PENGURUS DI MALAYSIA, BELIAU MAHU MEREKA SENTIASA BEKERJASAMA SATU SAMA LAIN BAGI MENJAMIN KEJAYAAN Masing-masing KERANA KALAU Masing-masing BERTELAGAH TIDAK ADA SIAPA YANG UNTUNG, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MAHU PARA PENGURUS MEMAHAMI MASALAH PEKERJAAN DAN JANGAN EGO DENGAN KEDUDUKAN Masing-masing.

+JANGANLAH FIKIR MEREKA YANG ADA KELAYAKAN ATAU PUN BARU KELUAR DARIPADA UNIVERSITI DENGAN MUDAH BOLEH JADI PENGURUS.

+MODAL TENTUNYA TIDAK SUDAH KERANA BOLEH PINJAMAN DARI MARA. APABILA UNTUNG TIDAK BAYAR DAN KALAU RUGI TENTULAH LAGI TIDAK BAYAR, + TAMBAHNYA SECARA BERJENAKA.

YANG TURUT SERTA PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB. -- BERNAMA.

1544MST 17 07 85